

NO. SOALAN : 477

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]**

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan langkah-langkah kawalan yang digunakan pakai dalam memastikan pertumbuhan hypermarket asing tidak memberikan kesan negatif terhadap golongan peruncit tempatan, khususnya peruncit Melayu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin akan kesan penubuhan *hypermarket* asing ke atas peruncit tempatan. Bagi memastikan pertumbuhan *hypermarket* asing tidak memberikan kesan negatif terhadap golongan peruncit tempatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menetapkan **beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh *hypermarket* milikan asing sebelum dapat beroperasi di Malaysia seperti berikut:**

- i) Perlu mengemukakan **hasil kajian impak dan pandangan awam** bagi sebarang permohonan pembukaan pasaraya baru;
- ii) Membuka pasaraya secara **standalone** dengan keluasan lantai niaga **sekurang-kurangnya 5,000 meter persegi**. Hanya *hypermarket* asing sedia ada sahaja dibenarkan untuk mengoperasikan *superstore* di mana had keluasan lantai niaga *superstore* perlu sekurang-kurangnya 2,000 meter persegi di kawasan amat pesat atau 3,000 meter persegi di kawasan selainnya;
- iii) Menghadkan **waktu beroperasi** dari pukul **10 pagi hingga 10 malam** pada hari bekerja atau **10 pagi hingga 12 tengah malam** pada hujung minggu;
- iv) Tidak dibenarkan untuk dibina di lokasi yang mempunyai kurang daripada **250,000 orang penduduk**; dan
- v) perlu berusaha mendapatkan rakan kongsi tempatan dan mematuhi syarat sekurang-kurangnya **30% ekuiti Bumiputera**.